

04 MAR 1997

Anwar-Yahaya

ANWAR ANTARA ORANG TERAKHIR BERTEMU YAHAYA

KUALA LUMPUR, 4 Mac (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim merupakan antara orang terakhir yang sempat bertemu dengan Tan Sri Yahaya Ahmad sejurus sebelum beliau terbunuh dalam nahas helikopter dekat Kuala Lipis, Pahang malam tadi.

Anwar, yang sama-sama belajar di Kolej Melayu Kuala Kangsar dengan Yahaya, berkata beliau dan rakan-rakan lepasan MCKK telah meraikan bekas guru-guru mereka pada satu majlis di rumahnya di sini.

Ketika bercakap kepada wartawan pagi ini, Anwar berkata pada majlis itu Yahaya membantu beliau menyampaikan maklumat mengenai perkembangan setiap rakan bekas pelajar yang hadir pada majlis itu kepada bekas guru-guru mereka.

"Yahaya berada bersama kami sehingga pukul 10 malam. Beliau memaklumkan kepada saya bahawa ibunya sakit di Kuala Terengganu, dan beliau bersamanya isterinya Puan Sri Rahana (Othman) terus meninggalkan majlis," katanya.

"Saya melahirkan rasa bimbang terhadap penerbangan waktu malam dengan helikopter tetapi Yahaya berkata beliau terpaksa juga balik kerana ibunya sakit tenat," kata Anwar yang nyata sugul dan sedih atas kehilangan kawan karibnya itu.

Menurut Anwar, pada kira-kira pukul 1 pagi beliau dimaklumkan tentang kehilangan sebuah helikopter, dan sebaik sahaja disahkan pesawat helikopter yang membawa Yahaya dan isterinya terhempas, beliau segera bergegas ke rumah Allahyarham di Jalan Semarak di sini untuk menemui anak-anak sahabatnya itu.

Semasa mengimbas kembali majlis di rumahnya itu, Anwar berkata: "Yahaya kelihatan tidak begitu ceria dan saya fikir ini mungkin kerana ibunya sedang sakit kuat."

Anwar berkata kematian Yahaya merupakan bukan sahaja satu kehilangan peribadi kepadanya malah kehilangan seorang tokoh usahawan yang menjadi kebanggaan negara dan ini satu kerugian besar bagi negara.

Ketika ditanya mengenai langkah-langkah untuk mengendalikan perniagaan Allahyarham, Anwar berkata: "Itu saya tidak bimbang kerana beliau telah menyusun segala perniagaannya dengan baik dan meletakkan tanggungjawab syarikatnya di bawah tokoh-tokoh pengurusan tertentu. Jadi ia tidak membimbangkan".

Bagaimanapun katanya: "Apa yang memberi kesan kepada saya ialah sewaktu saya semalaman di rumahnya (Yahaya) bersama keluarga Allahyarham."

Ditanya sama ada tragedi itu akan menjejaskan pasaran saham di negara ini, Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata: "Saya harap pasaran akan lebih matang kerana kami (kerajaan) telah komited untuk terus menyokong projek-projek yang dikendalikan Yahaya."

Anwar berkata beliau tidak bimbang dengan kedudukan syarikat-syarikat yang diterajui Yahaya kerana Allahyarham telah meletakkan asas yang kukuh dengan menempatkan mereka yang berwibawa untuk mengendalikannya.

Semasa ditanya kemungkinan kemalanan helikopter itu mempunyai unsur-unsur sabotaj, Anwar berkata: "Sudah tentu polis akan membuat siasatan sewajarnya, tetapi setakat ini kita tidak menjangka ada sebarang perbuatan khianat."

Beliau berkata kini terlalu awal untuk membuat apa-apa kesimpulan mengenai nahas itu tetapi "Saya pasti kita perlu meneliti semua aspek termasuk punca kemalangan".

Anwar berkata beliau dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad

akan berlepas ke Terenggamu petang ini untuk menziarahi jenazah Allahyarham
Yahaya dan Rahana. -- BERNAMA
ZAB NMO